

18 NOV 2002

S'pura-ASEF (Bergambar)/I

DIALOG KUNCI KEPADA DUNIA SEIMBANG, KATA KETUA ASEF

Oleh: Salbiah Said

SINGAPURA, 18 Nov (Bernama) -- Dialog antara rantau-rantau, budaya dan masyarakat merupakan medium penting dalam mewujudkan dunia yang lebih baik dan seimbang, kata Pengarah Eksekutif Asia-Eropah (ASEF), Delfin Colome.

Kapasiti ASEF dalam memperkukuhkan dialog antara rantau kini menjadi model ikutan dalam usaha menjalin persefahaman lebih baik, kata beliau kepada Bernama selepas menerima satu cek bernilai US\$100,000 daripada Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura, Datuk Hamidon Ali di ibu pejabat ASEF di sini, hari ini.

Jumlah US\$100,000 itu merupakan sumbangan kewangan yang dihulurkan bagi kali kedua oleh Malaysia kepada ASEF yang ditubuhkan pada 1997 untuk menggalakkan persefahaman antara penduduk Asia dan Eropah melalui pertukaran intelek, budaya dan antara orang dengan orang.

Malaysia kali pertama menyumbangkan US\$377,000 bagi tempoh lima tahun belanjawan pertubuhan itu (1997-2002) dan sumbangan kali kedua ini adalah bagi belanjawan lima tahun lagi bermula 2002.

ASEF dibiayai oleh sumbangan sukarela daripada kerajaan-kerajaan negara ASEM (Mesyuarat Asia-Eropah) dan Suruhanjaya Eropah. Sehingga hari ini, 26 negara adalah anggota ASEF. Kebanyakan daripada projek juga menerima sokongan kewangan daripada institusi-institusi rakan dan syarikat-syarikat swasta.

Sebagai contoh, mesyuarat Asia-Eropah di Copenhagen pada September lepas membawa bersama pemimpin-pemimpin dunia memandangkan ketegangan yang terus meningkat di Asia Barat, kata Colome.

"Pertemuan antara minda" antara Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Perancis Jacques Chirac sebagai contoh adalah bukti akan pentingnya dialog antara pemimpin-pemimpin dunia dalam menangani isu semasa memandangkan kemungkinan berlakunya peperangan antara Amerika dan Iraq.

"Bukan semua negara di Eropah menyokong keputusan Presiden Amerika George W. Bush untuk menyerang Iraq," katanya.

Menggunakan ASEF sebagai model, Colome berkata Kesatuan Eropah kini merancang untuk mewujudkan satu Yayasan Euro-Mediterranean membawa bersama negara-negara maju di Eropah dan yang membangun di Mediterranean, termasuk negara-negara Islam.

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura Datuk Hamidon Ali berkata peranan ASEF ialah untuk meningkatkan hubungan antara Asia dan Eropah dalam jangka panjang, dengan berkata program-programnya bertujuan menggalakkan persefahaman lebih baik di kalangan budaya-budaya dan agama yang berbeza.

Program-program yang dijalankan oleh ASEF, seperti kerjasama dengan universiti-universiti adalah penting dalam mengatasi halangan dan menggalakkan persefahaman lebih baik di kalangan belia kedua-dua rantau, kata Hamidon.

Colome berkata sejak diperkenalkan pada 1997, ASEF telah melaksanakan 200 projek dalam bidang-bidang teras intelektual, budaya dan pertukaran antara orang menyebabkan pembentukan 8,000 duta muda di Asia dan Eropah.

-- BERNAMA

SS PR